

## Bengkel Semakan Data Penarafan UI GreenMetric



Pekan, 18 September – Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengadakan Bengkel Semakan Data bagi Penarafan UI GreenMetric melibatkan lebih 30 orang dalam kalangan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dari pelbagai jabatan yang berlangsung di Dewan Banquet Canselor Tun Abdul Razak Pekan.

Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan kepada Ketua-ketua PTJ yang terlibat mengenai peranan dan tanggungjawab yang perlu dimainkan bagi membantu UMP dalam memperbaiki kedudukannya dalam penarafan UI GreenMetric.

Penarafan UI GreenMetric melibatkan penilaian terhadap enam kriteria yang utama iaitu Infrastruktur (15%), Tenaga dan Perubahan iklim (21%), Sisa Bahan (18%), Air (18%), Pendidikan (18%). Selain daripada kriteria utama tersebut, UMP lebih proaktif menjadikan Gaya Hidup Sihat sebagai salah satu aktiviti yang menyumbang kepada inisiatif penghijauan dalam kalangan warga kampus.

Hadir menyampaikan pencerahan mengenai kriteria pemberat penarafan ialah Naib Pengerusi UI GreenMetric, Dr. Nyoman Suwartha, Ahli Pakar, Dr. Budi Hartono dan Sekretariat UI GreenMetric, Hastin Setiani dari Universitas Indonesia. Program turut dihadiri Naib Canselor UMP, Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan pengurusan universiti.



Menurut Prof. Dato' Dr. Daing, penyertaan UMP dalam penarafan UI GreenMetric bukanlah semata-mata untuk mengejar kedudukan yang baik di dalam ranking semata-mata. Namun ianya akan mendisiplinkan diri sendiri untuk melakukan perkara yang betul dalam kehidupan seharian termasuklah aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

"Bagi menjayakan agenda ini penarafan UI GreenMetric telah dimasukkan sebagai salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) pencapaian dalam Pelan Strategik UMP 2016-2020," katanya.

Tambah beliau, UMP sangat menyokong budaya penghijauan kampus di Pekan seiring dengan pembangunan pesat yang dialaminya tanpa meminggirkan pembangunan komuniti di sekitarnya.

UMP meraih kedudukan ke-58 terbaik dunia berdasarkan usaha melestarian kampus dan pengurusan alam sekitar dalam penarafan UI-GreenMetric World University Ranking 2016 yang diterbitkan tahun lalu.

**Disediakan Hazlina Faizal dari Jabatan Hal-Ehwal Korporat dan Kualiti. Suntingan Bahagian Komunikasi Korporat**

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 02-10-2017, 09:07:21